

**D.R. 22/2009**

**RANG UNDANG-UNDANG**

*bernama*

Suatu Akta untuk meminda Akta Panglima Gagah Berani (Elaun Kenangan) 2001.

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

**Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

**1.** (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Panglima Gagah Berani (Elaun Kenangan) (Pindaan) 2009.

(2) Akta ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Julai 2009.

**Pindaan seksyen 3**

**2.** Akta Panglima Gagah Berani (Elaun Kenangan) 2001 [*Akta 616*] dipinda dalam subseksyen 3(1) dengan menggantikan perkataan "tiga ratus" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "satu ribu lima ratus".

*Rang Undang-Undang*

## HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Panglima Gagah Berani (Elaun Kenangan) 2001 ("Akta 616").

1. *Fasal 1* memperuntukkan tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.
2. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda subseksyen 3(1) Akta 616 untuk mengadakan peruntukan bagi kenaikan elaun kenangan daripada RM300 sebulan kepada RM 1,500 sebulan yang bermula dari 1 Julai 2009.

*IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan sekarang ini.

[PN(U<sup>2</sup>)2702]